

PERMOHONAN BANTUAN TABUNG AMANAH DAN TABUNG AMANAH ZAKAT SECARA ATAS TALIAN MELALUI E-TABUNG MULAI 1 NOVEMBER 2011

Sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan Unit Pinjaman dan Kebajikan mulai 1 November 2011 akan memperkenalkan sistem permohonan Tabung Amanah Khas dan tabung zakat melalui sistem E-Tabung yang dibangunkan bersama-sama dengan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi UniMAP. Semua pelajar yang berhasrat untuk mengemukakan permohonan bagi mendapatkan bantuan bolehlah mengemukakan permohonan secara atas talian melalui melalui capaian Laman web UniMAP di www.UniMAP.edu.my atau melalui portal HEPA di <http://publicweb.UniMAP.edu.my/~hep>. Sila teliti kesemua syarat dan keperluan yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan semasa proses pengisian secara atas talian ini.